



ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) DAN PENDIDIKAN ISLAM: MENGHIDUPKAN KEMBALI GAGASAN TOKOH SARJANA DALAM PEMBELAJARAN DIGITAL

[ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) AND ISLAMIC EDUCATION: REVIVING THE IDEA OF PROMINENT SCHOLAR IN DIGITAL LEARNING]

HUZAIMAH MOHAMMED IKHSAN¹ & HAFIZHAH ZULKIFLI^{1*}

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p116578@siswa.ukm.edu.my; hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Correspondent Email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Received: 11 May 2025

Accepted: 1 June 2025

Published: 30 June 2025

Abstrak: Pendidikan berperanan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 meletakkan sebelas anjakan untuk transformasi sistem di mana anjakan ketujuh menyebut memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia termasuk memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid (PPPM 2013-2025). Ini bermakna dasar kerajaan amat mengalu-alukan dan menyambut baik pendidikan digital dan penguasaan guru dalam menambahbaik kemahiran tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran atau menyelesaikan tugas yang berkaitan termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Bagi tujuan tersebut Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu bersedia mempersiapkan diri untuk meneroka dan menambah pengetahuan berkenaan ICT terutama untuk menggunakan Artificial Intelligence atau Teknologi Buatan (AI). Ia bertujuan untuk membantu dan memberi idea pengajaran yang lebih kreatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang diperolehi melalui soal selidik dan temu bual. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu menilai tahap kesediaan guru serta tindakan yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk menyediakan pelbagai platform dan peluang kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) bagi mempersiapkan diri dalam menyahut Dasar Pendidikan Digital (PDP).

Kata kunci: Artificial Intelligence (AI), kefahaman, Guru Pendidikan Islam (GPI), pengajaran dan pembelajaran.

Abstract: Education plays a role in the growth of this country's economic and development. In the Education Development Plan 2013 – 2025 stated 11 shifts for the transformation process where the 7th shift stated that to benefits ICT in order to improve the quality of education in Malaysia including to maximize the usage of ICT in long distance education and self teaching education. To broaden the access to high quality teaching without taken into consideration the location or the level of students' competency (PPPM 2013-2025). This means the government policies highly welcomed digital learning and teachers competency in improving the skills in teaching and learning process or completion of tasks related to the subject of Islamic Studies. For that purpose teachers teaching Islamic Studies (GPI) need to be ready to explore and gain knowledge in ICT especially in Artificial Intelligence. This will help and

give creative ideas. This research use qualitative research design, research through questionnaire and interviews. Reseachers hope this research can help to evaluate the teachers level of readiness and also actions that need to be taken by the school authorities to prepare various platforms and give opportunities to Islamic Studies teachers (GPI) to prepare themselves to respond to the Digital Education System.

Keywords: Artificial Intelligent AI, understanding, Islamic Education Teacher's (GPI)



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Huzaimah Mohammed Ikhsan & Hafizhah Zulkifli. 2025. Artificial Intelligence (AI) dan Pendidikan Islam: Menghidupkan Kembali Gagasan Tokoh Sarjana dalam Pembelajaran Digital [Artificial Intelligence (AI) and Islamic Education: Reviving The Idea of Prominent Scholar in Digital Learning]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 5(2), 1-12.

PENGENALAN

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Artificial Intelligence (AI) sering disebut dalam dunia perkomputeran. Ia dilihat sebagai satu cabang ilmu baharu dalam teknologi maklumat. Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjadi pencetus yang merancakkan lagi perkembangan kepada pelbagai idea penggunaan teknologi bagi mengurangkan tenaga kerja manusia seluruh dunia. AI dikatakan memberi manfaat dalam pelbagai bidang antaranya penjagaan kesihatan, automotif, kewangan, hiburan, e-dagang dan pendidikan.

KONSEP PENDIDIKAN

Definisi Pendidikan

Pendidikan merupakan satu proses yang berterusan untuk membentuk individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani agar menjadi insan yang seimbang dan berakhlak mulia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pendidikan ialah proses mendidik atau perihal mendidik. Dalam konteks Islam, pendidikan bertujuan untuk mendekatkan manusia kepada Allah SWT serta membentuk akhlak dan nilai berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Al-Attas 1979). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia pula menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis (Kementerian Pendidikan Malaysia 2020).

Latar belakang Pendidikan di Malaysia

Pendidikan merupakan satu perkara penting bagi menentukan kemajuan dan ketamadunan sebuah bangsa dan negara. Pendidikan juga mampu mengeluarkan insan dari dunia kejahilan. Pada peringkat awal, pendidikan Islam dilaksana secara tidak formal di mana ia hanya dapat dipelajari di tempat ibadah seperti surau, madrasah atau rumah tuan guru. Sistem ini kemudiannya berkembang kepada pendidikan pondok (Abdullah Ishak 1992).

Sewaktu zaman penjajahan British, sistem pendidikan Inggeris mula diperkenalkan (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin 2011). Pendidikan aliran Inggeris tersebut menjadi halangan kepada orang Melayu yang tidak tahu dan tidak faham Bahasa Inggeris. Dasar British yang menyekat orang Melayu ke sekolah dilihat hanya untuk memastikan kedudukan mereka tidak tergugat (Sufian Husin 2002). Laporan Razak 1956 dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi titik tolak pemerkasaan semula sistem pendidikan negara kita.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan besar untuk membangunkan sistem pendidikan supaya ia berkualiti dan bertaraf dunia. Untuk mencapai matlamat tersebut, pada tahun 2023 Dasar Pendidikan Digital (DPD) telah dilancarkan sebagai bukti kementerian komited dalam mencapai pembangunan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Dasar ini menggariskan enam teras yang merangkumi murid yang celik digital, guru kompeten digital, budaya kepimpinan digital berwawasan, pengupayaan intrastruktur dan infostruktur, kandungan digital berkualiti serta rakan strategik yang komited (Fahmy A Rosli 2023). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran meliputi semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam.

Guru Pendidikan Islam (GPI)

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh murid beragama Islam sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah seiring dengan Falsafah Pendidikan Islam untuk membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian yang seimbang sebagai hamba Allah SWT. Justeru itu, guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan nilai-nilai Islam dalam kalangan murid. Mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu agama tetapi juga menjadi contoh teladan dalam kehidupan seharian. Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) di Malaysia menyediakan latihan khusus untuk melahirkan GPI yang berkualiti dan mampan. Dalam era digital, GPI perlu menguasai teknologi agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan relevan.

Guru Pendidikan Islam semakin maju seiring dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengintegrasian ilmu untuk menjayakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dilihat sebagai satu cabaran. Tidak terkecuali untuk mengaplikasikan pembelajaran cara baharu yang lebih kreatif dan moden dengan memanfaatkan teknologi, komputer, jaringan komputer atau internet (Nur Asiah 2016).

ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

Definisi Artificial Intelligence atau Kecerdasan Buatan (AI)

AI adalah satu teknologi yang mampu meniru kepintaran otak manusia dan mampu untuk belajar bagi memperbaiki kualiti tugasnya sepanjang masa. Sedar atau tidak, AI telah lama berada dalam kehidupan kita. Penggunaan AI ini telah tersebar dalam pelbagai bidang industri termasuk automotif, kesihatan, kewangan dan tidak terkecuali bidang pendidikan. Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang berkembang rancak ke seluruh dunia dilihat sebagai pemacu utama

yang mendorong kepesatan AI. AI ialah gabungan sains komputer, fisiologi dan falsafah. (Ali 2011).

AI saling berkait dengan *atomisme* konseptual, rasionalisme dan logik formal (Lavanya 2021). Dengan kemampuan AI membantu tugas manusia AI dianggap sebagai pemudahcara dalam menangani dan menyelesaikan pelbagai tugas yang rumit dan memakan waktu. Kemampuan AI yang luar biasa dalam mengolah data dan menyampaikan maklumat, membantu para murid meningkatkan pemahaman mereka tentang sesebuah perkara (Nurul Thaqifah Mat Arop & Setiyawan Gunardi 2024).

Hari ini, AI turut membantu bidang pendidikan. Sama ada kepada guru, murid, mata pelajaran mahupun pengurusan sistem dalam pelbagai peringkat. AI berfungsi sebagai pembantu untuk setiap murid kerana ia boleh dicapai walaupun di luar waktu persekolahan (Komarudin et.al 2024). AI juga memudahkan guru mencari maklumat dan bahan berkaitan tajuk yang akan dipelajari. Ini akan memudahkan mereka melengkapkan tugas mereka dengan cepat (Amelia et.al 2022).

Perkembangan Artificial Intelligence (AI)

Guru perlu membentuk dan melengkapkan murid-murid kita bukan sahaja dari segi pengetahuan malah kita perlu membantu mereka mencapai tahap pemahaman, ketahanan mental dan fizikal, serta penguasaan dalam bidang masing-masing. Ini adalah penting bagi mengukuhkan lagi usaha kita bagi menyegarkan alam pendidikan dan menyemai sifat serta keunggulan kepada murid-murid di sekolah.

AI turut mempengaruhi sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Antara yang terkenal ialah platform I-Tasmik yang dibangunkan di Malaysia di mana ia didatangkan dengan ciri-ciri (*features*) menarik seperti bacaan ayat al-Quran automatik daripada pelbagai qari terkenal, keupayaan merakam suara dan alat pengesan kesalahan tajwid yang bertujuan melatih murid tahfiz menghafal al-Quran secara berdikari dengan lebih mudah. AI juga digunakan dalam memperluas akses kepada sumber-sumber pembelajaran Islam seperti menterjemah al-Quran kepada pelbagai bahasa dan pembangunan platform dan aplikasi pembelajaran keagamaan seperti fiqh, hadith dan sirah yang membolehkan umat Islam di seluruh dunia mengakses maklumat dan sumber dengan lebih senang tapi pantas. Secara tidak langsung ia membantu dalam penyebaran dakwah dan meluaskan syiar Islam ke pelbagai pelusuk dunia (Khoirunnisa et.al.2023).

Penggunaan AI dalam mempelajari al-Quran dan hadith juga banyak memberi manfaat kepada pengguna seperti menyemak bacaan, mengetahui tafsiran ayat al-Quran atau hadith dan sebagainya. (Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri 2023). Dalam satu platform lain yang dikenal sebagai Think Quran, AI membantu kita membaca al-Quran dengan betul (Siti Noor Faezah Muda 2024). Teknologi Kecerdasan Buatan mempunyai potensi besar dalam merevolusi cara mencari maklumat dan mempelajari al-Quran dan hadith. Dengan penerapan yang bijak dan beretika, AI dapat menjadi perantara yang berharga dalam memperkaya pengajaran dan pembelajaran agama Islam, menjadikannya lebih relevan dan menarik dalam konteks dunia digital hari ini (Nur Afiqah Mustaffa 2024).

Penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran juga boleh mengubah cara belajar seseorang murid (Norazlina Abdullah et.al 2020). Guru akan menyediakan alat pembelajaran yang interaktif seperti animasi, audio, permainan interaktif dan sebagainya sebagai langkah untuk menarik perhatian murid supaya menjadi lebih aktif dalam kelas yang sekaligus mewujudkan interaksi dua hala di antara guru dan murid (Ani Omar 2016). AI mempunyai banyak kebaikan, termasuk menyediakan suasana pembelajaran yang interaktif dan menarik, kebolehcapaian dan kecekapan proses pencarian maklumat dengan meningkatkan ketepatan, membolehkan analisis yang lebih mendalam dan memudahkan akses kepada pelbagai sumber rujukan al-Quran dan hadith (Nur Afiah Mustaffa 2024). Sebagai pendidik, untuk membentuk dan melengkapi murid kita dari segi pengetahuan, pemahaman, ketahanan mental dan fizikal, serta penguasaan dalam bidang masing-masing, adalah penting untuk mengukuhkan usaha kita untuk menyegarkan arena pendidikan dan menyemai keunggulan kepada murid-murid kita di sekolah (Ting Siew Char & Helmi Norman 2024).

Dalil-dalil Berkaitan Pendidikan dan Teknologi

Pendidikan asas kepada pembinaan sesebuah negara. Ia berupaya memelihara nilai-nilai murni sesebuah masyarakat, memperbaiki sahsiah serta jati diri seseorang. Tanpa pendidikan sesebuah masyarakat akan dianggap mundur dan menyebabkan pelbagai masalah sosial. Pendidikan juga merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan. Definisi falsafah ini menumpu kepada pembentukan individu sehingga menjadi seorang manusia yang betul-betul sempurna bukan sahaja dari segi pertambahan ilmu bahkan dari segi pembentukan akhlak dan rohani (Kurshid 1975).

Teknologi pula merupakan sesuatu yang tidak asing dalam Islam. Bermula dari zaman Nabi Adam AS yang membawa bersamanya sains dan teknologi bagi menjalani kehidupan di dunia. Sumbangan sains dan teknologi melalui bidang perubatan, astronomi, perubatan, matematik malah hal-hal yang berkait dengan kejuruteraan dan pembinaan (Muhamad Izzat Ibrahim et.al 2018). Teknologi didefinisikan sebagai suatu aspek penghasilan sains yang sifatnya memudahkan sesuatu dan sekiranya perkara itu dilakukan dengan niat yang baik serta digunakan dengan betul maka kesejahteraan hidup manusia akan terbina (Baba 2006). Oleh itu umat Islam sentiasa digalakkan untuk menguasai ilmu sains dan teknologi supaya mampu menjadi umat Islam yang mampan dan kompeten selaras dengan tuntutan agama.

al-Quran

Al-Quran adalah kitab yang diturunkan kepada junjungan besar Rasulullah SAW sebagai nabi akhir zaman. Al-Quran dijadikan sebagai rujukan dalam semua aspek kehidupan manusia. Ia merangkumi bidang angkasa, fizik, biologi dan ilmu perubatan (Jamal Fakhry 2010). Bidang yang dibincangkan ini meminta manusia untuk berfikir tentang kebesaran Allah SWT. Sains dalam al-Quran disebut pada wahyu pertama yang dibacakan kepada Rasulullah SAW. Ayat ini menyuruh manusia untuk membaca bagi mendapatkan ilmu. Turut diceritakan tentang asal kejadian manusia.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (semua makhluk). Ia menciptakan manusia dari segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya (Surah al-‘Alaq: 1-5).

Antara kesan *sunnatullah* ialah mengetahui tentang kejayaan umat terdahulu dalam sesuatu bidang bagi ditambah baik sebagai pengajaran oleh umat Islam pada hari ini. Dalam al-Quran pelbagai kisah dari sejarah nabi membuktikan tentang teknologi.

Hadith

Selaras dengan apa yang dtuntut oleh al-Quran untuk menggalakkan manusia berfikir dan menggali ilmu pengetahuan dengan tujuan untuk mengakui kebesaran yang Esa, begitu juga Rasulullah SAW menuntut umatnya untuk sentiasa mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan. Ia juga dilihat sebagai cara untuk meletakkan dan membangunkan bidang keintelektualan Islam. Antara ilmu yang berkembang pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat ialah ilmu fiqh, tafsir, tauhid dan pelbagai ilmu keagamaan. Turut berkembang dan diterokai ialah ilmu bidang baharu seperti sains, matematik, astronomi, ilmu falak dan perubatan. Menuntut ilmu itu adalah satu kewajipan kepada orang Islam. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَلِبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya: “Menuntut ilmu itu wajib kepada semua orang Islam.” (Hadith riwayat Ibn Majah)

Kita dituntut untuk mempelajari ilmu sebanyak mungkin sama ada ilmu fardu ‘ain (fiqh, ‘aqidah, syari’ah dan akhlak) atau ilmu fardu kifayah (ilmu sains, teknologi, perubatan dan matematik).

Allah SWT menjanjikan pahala yang besar kepada orang-orang yang menuntut ilmu. Ini kerana orang yang belajar dengan ikhlas, mengamalkan serta menyampaikannya kepada orang lain adalah termasuk dalam kalangan pewaris nabi. Rasulullah SAW bersabda:

الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوْرَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَرَثَتُهُمُ الْعِلْمُ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافٍ

Maksudnya: Ulama-ulama adalah pewaris Nabi. Para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, sebaliknya hanya mewariskan ilmu. Sesiapa yang mempelajarinya, maka dia telah mengambil bahagian yang lengkap (daripada harta pusaka para nabi) (Hadith riwayat : Abu Daud)

Orang yang menuntut ilmu akan mendapat ganjaran yang besar dari Allah SWT Pahalanya menyamai orang yang keluar berjihad ke jalan Allah. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَذَرُونَ سُنَّةَ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya: Barang siapa yang melalui satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya (Hadith riwayat Muslim)

Al-Quran dan hadith telah membuktikan kepentingan umat Islam untuk mempelajari tentang sesuatu ilmu supaya kita tidak ketinggalan. Kehebatan ilmuwan terdahulu seperti Al-Razi, Ibn Rusyd, Ibn Sina, Ibn Khaldun yang pakar dalam bidang teknologi dilihat sebagai kebanggaan dan cabaran kepada umat Islam pada hari ini.

Masyarakat pada hari ini hendaklah menjadi satu masyarakat yang berilmu. Ia akan melahirkan individu yang berdaya saing, mampu memimpin manusia kepada kebenaran, mendekatkan masyarakat kepada kebaikan, merealisasikan kemaslahatan dan mencegah kerosakan serta mewujudkan masyarakat yang bertamadun seperti mana zaman kegemilangan Islam terdahulu.

TOKOH SARJANA DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM

Sarjana Islam pada zaman dahulu angkat menjadi tokoh kerana pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang yang holistik di samping mempunyai sahsiah yang baik dan terpuji. Kehebatan mereka bukan sahaja dalam bidang ilmu, malah mampu menghasilkan penulisan yang masih menjadi rujukan sehingga hari ini.

Abu Hasan al-Qabisi

Al-Qabisi atau nama sebenarnya Abu Hassan bin Muhammad bin Khalaf al-Muafiri al-Qairawani merupakan salah seorang guru yang banyak mempelajari pelbagai ilmu antaranya al-Quran, Hadis, Feqah, Bahasa Arab dan Qira'at. Al-Qabisi adalah *laqab* sebuah tempat di Tunisia iaitu tempat kelahirannya. Beliau lahir pada abad ke-4 iaitu pada tahun 324H bersamaan 913M. Beliau meninggal dunia pada tahun 420H bersamaan 1009M (Ahmad Fu'ad al-Ahwani 1955). Walaupun beliau mempunyai masalah penglihatan, beliau sangat cintakan ilmu sehingga sanggup belajar dengan ulama dari Kaherah dan Hijaz. Beliau adalah seorang yang sangat merendah diri (Muhammad Amirul Mohd Nor & Muhammad Zulazizi Mohd Nawi 2020).

Menurut beliau pendidikan adalah sesuatu yang lebih cenderung terhadap cara atau kaedah pendidikan secara formal iaitu berkenaan manhaj, kurikulum, alatan, bentuk

pembelajaran dan perkara lain yang bersangkutan dengan ruang lingkup dengan bidang pendidikan di Kuttab (pusat pembelajaran al-Quran yang ditubuhkan Imam al-Qabisi). Menurut beliau lagi, Pendidikan Islam adalah dengan memberikan didikan kepada kanak-kanak. Ia merupakan satu usaha yang sangat strategik bagi merangka sesuatu dan memelihara kesinambungan masa depan bangsa dan negara. Tanggungjawab ini perlu dilaksana oleh ibu bapa seperti yang telah dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Perintahlah anak-anak kalian untuk mengerjakan solat pada waktu usia tujuh tahun dan pukullah mereka pada waktu usia sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka” (Hadis riwayat Abu Daud).

Beliau turut menekankan pelajaran al-Quran sebagai asas dalam pendidikan kanak-kanak iaitu dengan menulis, menghafal dan saling bantu-membantu untuk menguatkan daya ingatan serta memaksimumkan penggunaan pancaindera. Berikut adalah teknik yang digunakan oleh beliau dalam sistem pendidikannya. Tahap pendidikan mengikut al-Qabisi ialah:

1. Nasihat
2. Memisahkannya atau mengasingkannya secara bersendirian
3. Amaran beserta ancaman
4. Pukulan sebagai hukuman terakhir

Ibnu Khaldun

Nama sebenar beliau ialah Abdurrahman Zaid Waliudin Ibnu Muhammad bin Muhammad Ibnu al-Hassan bin Jabir Ibnu Ibrahim Ibnu Abdirrahman Ibnu Khaldun al-Khadrami al-Tunisi. Beliau lahir di Tunisia pada 27 Mei 1332M (Syaripudin Basyar 2020).

Antara ilmu yang dikuasai oleh beliau ialah ilmu Falsafah, Tasawuf dan Metafizik. Antara kitabnya yang terkenal ialah *al-Muqaddimah* (Syaripudin Basyar 2020). Pendidikan Islam mengikut Ibnu Khaldun ialah guru tidak dibenarkan untuk mengasari murid. Ini kerana tindakan tersebut boleh merosakkan akhlak mereka. Guru mestilah berkelakuan baik, memberi teladan yang baik. Ini bermakna tugas guru bukan hanya mengajar semata-mata (Haidar Putra Daulay et.al 2021). Ibnu Khaldun meletakkan tiga tujuan utama dalam teori pendidikannya iaitu:

1. Meningkatkan kemahiran berfikir.

Proses pendidikan menggalakkan murid menggali dan meneroka sesuatu ilmu dengan lebih mendalam. Proses ini bukan sahaja menjadi nilai tambah terhadap ilmu malah dapat menggilap potensi akal seseorang.

2. Meningkatkan taraf hidup kelompok masyarakat.

Jika seseorang itu boleh mencapai kecemerlangan semasa proses pendidikannya, ini bermakna dia mendorong masyarakat atau bangsanya ke suatu tahap yang lebih baik berbanding masyarakat yang lain. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa pendidikan itu penting bagi meningkatkan taraf hidup sesebuah masyarakat.

3. Meningkatkan amal ibadah.

Ilmu yang wajib dipelajari bermula dari ilmu fardhu ain seterusnya ilmu fardhu kifayah. Proses pendidikan dalam melengkapkan ilmu menjadikan seseorang manusia itu membuat nilai tambah dari sudut ibadah, zikir dan menyendiri untuk tujuan beribadat.

Al-Ghazali

Nama sebenarnya ialah Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad al-Tusi al-Ghazali. Lahir pada tahun 1058M bersamaan 450H di Tus, Khurasan. Beliau mempelajari ilmu Usuludin, Ilmu Fiqh, Ilmu Mantiq, Ilmu Akidah, Akhlak, Usul Fiqh dan Falsafah. Kitabnya yang terkenal ialah *Ihya Ulumuddin* (Syaripudin Basyar 2020). Beliau membahagikan ilmu itu kepada tiga bahagian iaitu:

1. Ilmu yang tidak baik, sama ada sedikit atau banyak.

Iaitu ilmu yang tidak bermanfaat dunia dan akhirat. Antaranya ialah ilmu ramalan, ilmu nujum dan ilmu sihir. Ilmu ini dikatakan boleh menimbulkan keburukan kepada orang lain serta menyebarkan rasa mazmumah seperti pertelingkahan, sakit hati dan khianat seterusnya mewujudkan kerosakan dalam perhubungan insan.

2. Ilmu yang baik sama ada sedikit atau banyak.

Ilmu yang berkaitan dengan ibadah seperti bab thaharah atau ilmu-ilmu yang mengajar seseorang untuk melakukan ibadah dengan lebih baik.

3. Ilmu yang baik dalam kadar yang sedikit dan buruk sekiranya dipelajari secara terperinci.

Ilmu ini akan menjadi sebab kekusutan dan kekeliruan antara keyakinan dan keraguan seseorang. Kadang-kadang ia boleh membawa kekafiran. Contohnya seperti ilmu falsafah. Ilmu falsafah menurut Imam Ghazali ialah ilmu matematik, ilmu logik, ilmu psikologi, sains etika dan ilmu ilahiyah. Beliau mendapati setelah mengkaji secara mendalam, ilmu kalam banyak memberi keburukan dari kebaikan. Begitu juga dengan ilmu logik di mana beliau mempertikaikan ilmu ketuhanan ahli falsafah disebabkan mereka hanya membuat rumusan dan

keputusan berdasarkan andaian dan sangkaan sahaja (Muhd Shaharuddin & Mohd Romie Ngah 2015).

KESIMPULAN

Islam memainkan peranan penting untuk memastikan semua ilmu yang dipelajari adalah berlandaskan al-Quran dan sunnah. Ia bagi memastikan ilmu tersebut di landasan yang betul dan tidak disalahguna demi kepentingan pihak tertentu. Hari ini, umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk menuntut ilmu dengan tujuan mengembalikan kehebatan Islam sebelum ini. Malah umat Islam dituntut supaya menyeimbangkan antara ilmu dunia dan akhirat termasuk menguasai pelbagai kemahiran digital dan teknologi.

RUJUKAN

- Ahmad Fu'ad al-Ahwani. 1955. *Al-Tarbiyah alIslamiyah aw al-Ta'lim fi Ra'y al-Qabisi*. Cairo: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyah
- Al-Attas. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Amelia et.al.2022. Pemanfaatan Artificial Intelegence Dalam Pembelajaran Di Masa Pandemi. *Prosiding Seminar Nasional Batch 1*.
- Baba Sidek. 2006. *Pendidikan Rabbani*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Fahmy A Rosli. 2023. Dasar Pendidikan Digital Dilancar Hari Ini. *BH Online*. 28 November.
- Haidar Putra Daulay et.al. 2021. Pemikiran Pendidikan Islam Ibn Khaldun. *Islamika Granada* Vol 2. No 1: 8-17.
- Jamal Fakhry. 2010. Sains dan Teknologi Dalam al-Quran dan Implikasinya Dalam Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Islam Ta'adib*. Vol.15 No 01: 121-142.
- Khoirunisa' et.al. (2023). Islam In the Middle of AI (Artificial Intelligence)Struggle: Between Opportunities and Threats. *At -Tuhfah: Jurnal Studi Keislaman* 12(1): 19-27.
- Kurshid Ahmad. 1975. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Lavanya, C. (2021). What is Artificial Intelligence? Success is no accident. It is hard work, perseverance, learning, studying, sacrifice and most of all, love of what you are doing or learning to do. Vol 12:12-18
- Norazlina Abdullah et.al. 2020. Penggunaan Aplikasi Kepintaran Buatan (AI) dalam PDP.Satu Kajian Kepustakaan. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)*.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2022. Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, Cabaran dan Pelaksanaan ke arah Perpaduan Nasional. *SOSIOHUMANIKA*. Vol 4 (1): 33-48.
- Muhd Shaharuddin Mat Salleh & Mohd Romie Ngah. 2015. *Pemikiran Imam al-Ghazali Terhadap Klasifikasi Ilmu dalam Islam*. MARA-UKM. Diakses pada 25 Mei 2025.

- Muhammad Azrul Hafiz Zaidi et.al. 2016. *Peranan Al-Hadis sebagai Sumber Rujukan Dalam Bidang Sains, Teknologi & Kejuruteraan Islam*. Pembentangan Kertas Kerja Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah. Diakses pada 28 Mei 2025.
- Muhamad Izzat Ibrahim et.al. 2018. Islam serta Pembentukan Sains dan Teknologi. *Prosiding Seminar Tamadun Islam*: 1-12
- Nur Asiah. 2016. Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Melalui e-Learning di SMA Budaya Bandar Lampung. *Jurnal Mudarrisuna*. Vol 6(1): 77-101.
- Nurul Afiqah Mustaffa et.al. 2024. Peranan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Membantu Pencarian maklumat al-Quran dan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*. Ms 795-806.
- Nurul Thaqifah Mat Arop & Setiyawan Gunardi. Memperkasa Model Pendidikan Asas Artificial Intelligence (AI) Berasaskan Naqli dan Aqli di Era Globalisasi. 2024. *Jurnal Sains Insani*. Vol 9 (2): 345-353
- Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Noor Faezah Muda. 2024. *Aplikasi Think Quran Mudahkan Pengguna Belajar Ikut Masa Sendiri*. <https://www.sinarharian.com.my/article/647486/berita/nasional/aplikasi-thinkquran-mudahkan-pengguna-belajar-ikut-masa-sendiri>. Diakses pada 28 Mei 2025
- Sufean Hussin. 2002. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaripudin Basyar. 2020. Pemikiran Tokoh Pendidikan Islam. Ri;ayah: *Jurnal Sosial dan Keagamaan*. Vol.5 No 01:96-102.
- Ting Siew Char & Helmi Norman. 2024. Persepsi Guru Tentang Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pengajaran Guru di Peringkat Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. Vol 17. No 2.:150-157.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). Islam dan ‘Kecerdasan Buatan’. <https://maktabahalbakri.com/1474-islam-dan-kecerdasan-buatan/>. Diakses pada 27 Mei 2025.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). #22: Masa Depan Islam dan AI. <https://zulkiflialbakri.com/22-masa-depan-islam-dan-ai/>. Diakses pada 27 Mei 2025.
- Facebook. (n.d.). *Guru Pendidikan Islam Malaysia*. Retrieved from <https://www.facebook.com/groups/gpikluangkssr/>. Diakses pada 28 Mei 2025
- Facebook. (n.d.). *Guru Pendidikan Islam Malaysia (GPI)*. Retrieved from https://www.facebook.com/groups/627575747304731/?locale=cs_CZ. Diakses pada 28 Mei 2025
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1122-irsyad-al-hadith-siri-ke-109-kelebihan-menuntut-ilmu>. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 28 Mei 2025.
- <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/islam-dan-ilmu/>. Majlis Agama Islam Selangor. Diakses pada 28 Mei 2025.
- <https://www.mosti.gov.my/berita/malaysias-national-artificial-intelligence-airoadmap-2021-2025/>. Diakses pada 7 Mei 2025.

[https://jaipk.perak.gov.my/index.php/en/maklumat/51-majalah-atas-talian/majalah-online/156-
pendidikan-pendidikan-di-dalam-islam](https://jaipk.perak.gov.my/index.php/en/maklumat/51-majalah-atas-talian/majalah-online/156-
pendidikan-pendidikan-di-dalam-islam) . Diakses pada 5 Mei 2025

[https://www.sinarharian.com.my/article/647486/berita/nasional/aplikasi-thinkquran-
mudahkan-pengguna-belajar-ikut-masa-sendiri](https://www.sinarharian.com.my/article/647486/berita/nasional/aplikasi-thinkquran-
mudahkan-pengguna-belajar-ikut-masa-sendiri). Diakses pada 28 Mei 2025.

MQA. (n.d.). *Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam*. Retrieved from
<https://www.mqa.gov.my/mqr/english/eiptaKPListAA.cfm?IDAkriPTS=508>